



PEKELILING PERKHIDMATAN UMT BILANGAN 2 TAHUN 2016

**RASIONALISASI SKIM PERKHIDMATAN
BAGI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN
DI BAWAH SISTEM SARAAAN MALAYSIA**

KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka Surat
	KANDUNGAN	i
	SENARAI LAMPIRAN	iv
1.	TUJUAN	1
2.	LATAR BELAKANG	1
3.	TAFSIRAN	2
4.	RASIONALISASI SKIM PERKHIDMATAN	
4.1	Penyeragaman Gred Jawatan/Kod Gaji Di Gred Lantikan Bagi Skim Perkhidmatan Berkelayakan SPM dan STPM/Diploma	4
4.2	Penambahan Lapisan Gred Kenaikan Pangkat Bagi Skim Perkhidmatan Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional	6
	(a) Penambahan Lapisan Gred Kenaikan Pangkat Bagi Skim Perkhidmatan Berkelayakan Pentaksiran Tingkatan 3(PT3)/PMR	6
	(b) Penambahan Lapisan Gred Kenaikan Pangkat Bagi Skim Perkhidmatan Berkelayakan SPM	7
	(c) Penambahan Lapisan Gred Kenaikan Pangkat Bagi Skim Perkhidmatan Berkelayakan STPM/Diploma	9
	(d) Penambahan Lapisan Gred Kenaikan Pangkat Bagi Skim Perkhidmatan Berkelayakan Ijazah	10
	(e) Penambahan Lapisan Gred Kenaikan Pangkat Bagi Skim Perkhidmatan Bersepadu	11
4.3	Peluasan Pemakaian Kelayakan SKM Sebagai Syarat Kelayakan Masuk Pelbagai (KMP) Dalam Skim Perkhidmatan Berkelayakan SPM	12
4.4	Pindaan Kod Klasifikasi Perkhidmatan dan Kod Gaji	12
4.5	Skim Perkhidmatan Bersepadu Baharu	14
4.6	Pindaan Perbekalan-perbekalan Lain Dalam Skim Perkhidmatan	15
4.7	Pemindahan Kelayakan Masuk Sijil Politeknik/Sijil Setaraf STPM Daripada Skim Perkhidmatan Berkelayakan SPM Kepada Skim Perkhidmatan Berkelayakan STPM/Diploma	15
4.8	Penjumudan dan Pemansuhan Skim Perkhidmatan	15

Bil.	Perkara	Muka Surat
5.	PELAKSANAAN RASIONALISASI SKIM PERKHIDMATAN	
5.1	Pindaan Gred Jawatan Pegawai	17
5.2	Urusan Perskiman	18
5.3	Urusan Perjawatan	19
5.4	Urusan Perjawatan Bagi Pelaksanaan Pertukaran Pelantikan Dalam Pemindahan Kelayakan Masuk Sijil Politeknik/Sijil Setaraf STPM Daripada Skim Perkhidmatan Berkelayakan SPM Kepada Skim Perkhidmatan Berkelayakan STPM/Diploma dan Penjumudan Skim Perkhidmatan	19
6.	PEMBERIAN OPSYEN	
6.1	Prinsip Umum Pertukaran Pelantikan	20
6.2	Kenaikan Pangkat Secara <i>Time-Based</i> Berasaskan Kecemerlangan Dalam Skim Perkhidmatan Asal Bagi Penyandang yang Ditukar Lantik Ke Gred 29 dan Pengajar Kraf Gred E11 yang Memiliki Kelayakan	22
6.3	Tawaran Opsyen Kepada Pegawai Dalam Skim Perkhidmatan Berkelayakan SPM/Sijil Politeknik di Bawah Urusan Pemindahan Kelayakan Sijil Politeknik/Sijil Setaraf STPM Daripada Skim Perkhidmatan Berkelayakan SPM Kepada Skim Perkhidmatan Berkelayakan STPM/Diploma dan Penjumudan Skim Perkhidmatan	23
6.4	Tawaran Opsyen Kepada Pegawai Dalam Skim Perkhidmatan yang Dijumudkan	24
7.	KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN	
7.1	Pihak Berkuasa Melantik	25
7.2	Ketua Jabatan	26
7.3	Pegawai yang Ditawarkan Opsyen	26
7.4	Gaji Permulaan Bagi Urusan Tukar Lantik	27
7.5	Tarikh Pergerakan Gaji Bagi Urusan Tukar Lantik	27
8.	PEMBERIAN FAEDAH PEMINDAHAN GAJI DAN PENAMBAHBAIKAN JGMM	27
9.	KELAYAKAN BAGI PENAMBAHBAIKAN JGMM	
9.1	Pegawai yang Layak	28
9.2	Pegawai yang Tidak Layak	29

Bil.	Perkara	Muka Surat
10.	KELAYAKAN PEMBERIAN FAEDAH PEMINDAHAN GAJI	
10.1	Pegawai yang Layak	29
10.2	Pegawai yang Tidak Layak	29
11.	PELAKSANAAN PEMBERIAN FAEDAH PEMINDAHAN GAJI DAN PENAMBAHBAIKAN JGMM	
11.1	Prinsip dan Proses Pemindahan Gaji	30
11.2	Penetapan Gaji Bagi Skim Perkhidmatan yang Memperuntukkan KMP	32
11.3	Kaedah Pemindahan Gaji Melibatkan Tukar Lantik	32
11.4	Kaedah Pemindahan Gaji Melibatkan Kenaikan Pangkat	33
11.5	Kaedah Pemindahan Gaji Melibatkan Pegawai Sedang Berkhidmat Dilantik Ke Skim Perkhidmatan/Jawatan Lain	33
11.6	Kaedah Pemindahan Gaji Melibatkan Peminjaman Atau Pertukaran Sementara	33
11.7	Kaedah Pemindahan Gaji Melibatkan Pegawai Bercuti	34
11.8	Pemindahan Gaji Bagi Pegawai yang Belum Memenuhi Syarat Atau Memilih Ditukar Lantik Selepas Dinaikkan Pangkat Secara <i>Time-Based</i> Berasaskan Kecemerlangan Atau Tidak Menerima Opsyen Pertukaran Pelantikan Bagi Pegawai Di Bawah SSM	35
11.9	Gaji Khas Untuk Penyandang	35
11.10	Tarikh Pergerakan Gaji	36
11.11	Elaun dan Kemudahan	36
12.	TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN	38
13.	TARIKH KUAT KUASA	38
14.	PEMBATALAN	39
15.	PEMAKAIAN	39

SENARAI LAMPIRAN

Bil.	Perkara	
Lampiran LAMPIRAN A		
1.	Pindaan Gred Jawatan/Kod Gaji Skim Perkhidmatan Berkelayakan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR)	A1
2.	Pindaan Gred Jawatan/Kod Gaji Skim Perkhidmatan Berkelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	A2
3.	Pindaan Gred Jawatan/Gaji Skim Perkhidmatan Berkelayakan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/Diploma Atau Setaraf	A3
4.	Pindaan Gred Jawatan/Kod Gaji Skim Perkhidmatan Berkelayakan Ijazah	A4
5.	Pindaan Gred Jawatan/Kod Gaji Skim Perkhidmatan Bersepadu	A5
6.	Senarai Skim Perkhidmatan yang Diperuntukkan Syarat Kelayakan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)	A6
7.	Pemindahan Kelayakan Sijil Politeknik/Sijil Setaraf STPM Daripada Skim Perkhidmatan Berkelayakan SPM Kepada Skim Perkhidmatan Berkelayakan STPM/Diploma	A7
8.	Pertukaran Pelantikan Di Bawah Urusan Pemindahan Syarat Kelayakan Sijil Politeknik/Sijil Setaraf STPM Daripada Skim Perkhidmatan Berkelayakan SPM Kepada Skim Perkhidmatan Berkelayakan STPM/Diploma	A8
9.	Pertukaran Pelantikan Di Bawah Urusan Penjumudan Skim Perkhidmatan	A9
LAMPIRAN B		
10.	Indeks Pemindahan Skim Perkhidmatan	B1
11.	Format Iklan Jawatan	B2
12.	Senarai Skim Perkhidmatan	B3
13.	Senarai Keahlian Badan Perakaunan yang Diiktiraf oleh Kerajaan	B3A
14.	Penentuan Kelayakan Bagi Urusan Pelantikan Atau Pertukaran Pelantikan yang Mensyaratkan Kelayakan PT3/PMR, SPM, SVM Dan STPM/STAM	B4

Bil.	Perkara	Lampiran
<u>Pengajar Kraf Gred E11 yang Memiliki Kelayakan</u>		
27.	Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan	C5A
28.	Syarat Pertukaran Pelantikan Melalui Opsyen	C5B
29.	Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan	C5C
PEGAWAI DALAM SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU METEOROLOGI		
<u>Pembantu Meteorologi Gred C17 yang Memiliki Kelayakan</u>		
30.	Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan	C6A
31.	Syarat Pertukaran Pelantikan Melalui Opsyen	C6B
32.	Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan	C6C
<u>Pembantu Meteorologi Gred C17 yang Tidak Memiliki Kelayakan</u>		
33.	Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan	C7A
34.	Syarat Pertukaran Pelantikan Melalui Opsyen	C7B
35.	Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan	C7C
<u>Pembantu Meteorologi Gred C22 dan C26 yang Memiliki Kelayakan</u>		
36.	Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan	C8A
37.	Syarat Pertukaran Pelantikan Melalui Opsyen	C8B
38.	Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan	C8C
<u>Pembantu Meteorologi Gred C22 dan C26 yang Tidak Memiliki Kelayakan</u>		
39.	Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan	C9A
40.	Syarat Pertukaran Pelantikan Melalui Opsyen	C9B
41.	Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan	C9C

Bil.	Perkara	Lampiran
42.	Status Pelaksanaan Opsyen Tukar Lantik Bagi Urusan Pemindahan Kelayakan Masuk Sijil Politeknik/Sijil Setaraf STPM Daripada Skim Perkhidmatan Berkelayakan SPM Kepada Skim Perkhidmatan Berkelayakan STPM/Diploma	C10
43.	Status Pelaksanaan Opsyen Tukar Lantik Bagi Urusan Penjumudan Skim Perkhidmatan (Skim Perkhidmatan Pengajar Membalak, Jurulatih Kawad, Penolong Operator Kamera, Peniup Kaca dan Penyelia Jurupakaian)	C11
44.	Status Pelaksanaan Opsyen Tukar Lantik Bagi Urusan Penjumudan Skim Perkhidmatan (Skim Perkhidmatan Pengajar Kraf dan Pembantu Meteorologi)	C12

LAMPIRAN D

45.	Jadual Gaji Minimum-Maksimum Bagi Perkhidmatan Awam Malaysia	D1
46.	Jadual Gaji Minimum-Maksimum (Khas Untuk Penyandang)	D2
47.	Carta Alir Pelaksanaan Pemberian Faedah Pemindahan Gaji Dan Penambahbaikan JGMM	D3
	Rajah 1: Contoh Kaedah Pemindahan Gaji Bagi Gaji Pegawai Kurang Daripada Gaji Permulaan yang Baharu	
	Rajah 2: Contoh Kaedah Pemindahan Gaji Bagi Gaji Pegawai Kurang Daripada Gaji Permulaan yang Baharu	
	Rajah 3: Contoh Kaedah Pemindahan Gaji Bagi Gaji Pegawai Melebihi Daripada Gaji Permulaan yang Baharu	
	Rajah 4: Contoh Kaedah Pemindahan Gaji Bagi Skim Perkhidmatan yang Memperuntukkan Kelayakan Masuk Pelbagai	
48.	Contoh Kaedah Pemindahan Gaji	D4



PEKELILING PERKHIDMATAN UMT BILANGAN 2 TAHUN 2016

RASIONALISASI SKIM PERKHIDMATAN BAGI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN DI BAWAH SISTEM SARAAN MALAYSIA

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai rasionalisasi skim perkhidmatan bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang dikeluarkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil.1 Tahun 2016 yang mana pelaksanaannya diterima pakai bagi skim perkhidmatan yang berkaitan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

LATAR BELAKANG

2. Sejajar dengan Transformasi Perkhidmatan Awam dalam memastikan Perkhidmatan Awam mempunyai modal insan yang kompeten untuk merealisasikan wawasan negara, maka rasionalisasi skim perkhidmatan dilaksanakan oleh Kerajaan. Rasionalisasi ini adalah untuk memperkemaskan pengurusan skim perkhidmatan bagi

menarik dan mengekal modal insan terbaik, mewujudkan fleksibiliti dalam urusan perkhidmatan, menambah baik mobiliti dan kemajuan kerjaya dan mengemas kini syarat lantikan supaya relevan dengan keperluan semasa. Urusan rasionalisasi ini juga bertujuan untuk memperluaskan peluang pemegang kelayakan kemahiran untuk berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam dengan memasukkan kelayakan pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dalam skim perkhidmatan tertentu. Hasil kajian menyeluruh terhadap kesemua 252 skim perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa, terdapat skim-skim perkhidmatan yang ditambah baik, dijumud dan dimansuhkan. Terdapat juga skim perkhidmatan yang dikekalkan kerana masih relevan dan menepati keperluan perkhidmatan. Ini menjadikan jumlah skim perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan ini adalah sebanyak 240 skim perkhidmatan.

3. Selaras dengan langkah-langkah rasionalisasi skim perkhidmatan ini, Kerajaan turut bersetuju menetapkan Gaji Permulaan Terendah (GPT) dalam Perkhidmatan Awam pada RM1,200 sebulan dan penambahbaikan Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM). Pegawai awam turut menerima faedah pemindahan gaji bersamaan satu (1) Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) kecuali yang terlibat dalam pemindahan ke gaji permulaan yang baharu di JGMM baharu.

TAFSIRAN

4. Dalam Pekeliling Perkhidmatan ini -

‘Gaji baharu’ bermaksud gaji pegawai setelah diberi Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) 2016 dan diberi faedah pemindahan gaji bersamaan satu (1) KGT atau diselaraskan kepada gaji permulaan di JGMM baharu;

‘Gaji minimum’ bermaksud gaji minimum bagi setiap gred jawatan masing-masing dalam JGMM;

‘Gaji maksimum’ bermaksud gaji maksimum bagi setiap gred jawatan masing-masing dalam JGMM;

‘Gaji permulaan’ bermaksud gaji permulaan yang ditetapkan mengikut kelayakan masuk tertentu dalam skim perkhidmatan;

‘Gaji Permulaan Terendah’ bermaksud gaji permulaan yang terendah dalam Perkhidmatan Awam yang telah ditetapkan oleh Kerajaan pada RM1,200 sebulan;

‘Gred jawatan asal’ bermaksud gred jawatan pegawai pada 30 Jun 2016;

‘Gred jawatan yang dipinda’ bermaksud gred jawatan pegawai selepas pemindahan/penyeragaman gred daripada gred jawatan asal sebelum ditukar lantik;

‘Kelayakan Masuk Pelbagai (KMP)’ bermaksud pelbagai tahap kelayakan yang diperuntukkan sebagai syarat kelayakan masuk bagi skim perkhidmatan tertentu;

‘Peringkat kelayakan masuk’ bermaksud peringkat minimum kelayakan akademik bagi lantikan ke Perkhidmatan Awam iaitu peringkat Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/diploma atau ijazah;

‘Skim perkhidmatan asal’ bermaksud skim perkhidmatan asal pegawai pada 30 Jun 2016 sebelum ditukar lantik;

‘Skim perkhidmatan bersepadu’ bermaksud skim perkhidmatan yang mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) peringkat kelayakan masuk dalam satu (1) skim perkhidmatan; dan

‘Skim perkhidmatan jumud’ bermaksud skim perkhidmatan yang tidak lagi diperlukan (obsolete) berikutan perubahan fungsi perkhidmatan sama ada telah diambil alih oleh perkhidmatan lain, diasingkan saraan atau dialih daya.

RASIONALISASI SKIM PERKHIDMATAN

5. Kerajaan bersetuju untuk menambah baik skim perkhidmatan yang berkuat kuasa melibatkan perkara-perkara berikut:

- 5.1. penyeragaman gred jawatan/kod gaji di gred lantikan bagi skim perkhidmatan berkeelayakan SPM dan STPM/diploma;
- 5.2. penambahan lapisan gred kenaikan pangkat bagi skim perkhidmatan Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional;
- 5.3. peluasan pemakaian kelayakan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sebagai syarat KMP dalam skim perkhidmatan berkeelayakan SPM;
- 5.4. pindaan nama/kod Klasifikasi Perkhidmatan dan kod gaji;
- 5.5. pewujudan skim perkhidmatan bersepadu baharu;
- 5.6. pindaan perbekalan-perbekalan lain dalam skim perkhidmatan;
- 5.7. pemindahan kelayakan masuk sijil politeknik/sijil setaraf STPM daripada skim perkhidmatan berkeelayakan SPM kepada skim perkhidmatan berkeelayakan STPM/diploma; dan
- 5.8. penjumudan dan pemansuhan skim perkhidmatan.

Penyeragaman Gred Jawatan/Kod Gaji Di Gred Lantikan Bagi Skim Perkhidmatan Berkeelayakan SPM dan STPM/Diploma

6. Di bawah SSM, gred lantikan skim perkhidmatan berkeelayakan SPM adalah Gred 17 atau Gred 19, manakala skim perkhidmatan berkeelayakan STPM/diploma menggunakan Gred 27 atau Gred 29. Sehubungan ini, Kerajaan telah memutuskan supaya Gred 17 dan Gred 19 diseragamkan kepada Gred 19, manakala Gred 27 dan Gred 29 diseragamkan kepada Gred 29.

7. Urusan penyeragaman gred jawatan/kod gaji di gred lantikan bagi skim perkhidmatan berkecayaan SPM atau setaraf, dan STPM/diploma atau setaraf, termasuk skim perkhidmatan jumud di bawah SSM melibatkan pindaan gred jawatan/kod gaji pegawai seperti berikut:

- 7.1. gred jawatan/kod gaji pegawai yang berada di Gred 17 dipinda ke Gred 19;
- 7.2. gred jawatan/kod gaji pegawai yang berada di Gred 27 dipinda ke Gred 29; dan
- 7.3. gred jawatan/kod gaji pegawai yang berada dalam skim perkhidmatan bersepadu di gred lantikan/kenaikan pangkat dipinda seperti berikut:
 - (a) Gred 17 dipinda ke Gred 19;
 - (b) Gred 18 dipinda ke Gred 20;
 - (c) Gred 27 dipinda ke Gred 29; dan
 - (d) Gred 28 dipinda ke Gred 30.

Jadual 1: Penyeragaman Gred Lantikan Bagi Skim Perkhidmatan Berkecayaan SPM dan STPM/Diploma

Peringkat Kelayakan Masuk	Gred Sedia Ada	Gred Baharu
SPM	Gred 17 Gred 19	Gred 19
	Gred 17/18	Gred 19/20
STPM/Diploma	Gred 27 Gred 29	Gred 29
	Gred 27/28	Gred 29/30

8. Urusan penyeragaman gred jawatan/kod gaji bagi skim perkhidmatan berkecayaan SPM atau setaraf, dan STPM/diploma atau setaraf serta skim perkhidmatan bersepadu berkecayaan SPM/STPM/diploma ini **tidak melibatkan urusan pertukaran pelantikan.**

Penambahan Lapisan Gred Kenaikan Pangkat Bagi Skim Perkhidmatan Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional

9. Selaras dengan usaha untuk meningkatkan peluang kemajuan kerjaya, lapisan gred kenaikan pangkat baharu ditambah seperti berikut:

9.1. Penambahan Lapisan Gred Kenaikan Pangkat Bagi Skim Perkhidmatan Berkecayaan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3)/PMR

- (a) Skim perkhidmatan berkecayaan PT3/PMR yang mempunyai dua (2) lapisan gred iaitu Gred 11 dan Gred 14 ditambah dua (2) lapisan gred baharu iaitu Gred 16 dan Gred 18 seperti Rajah 1 berikut:

Rajah 1: Tambahan Dua (2) Lapisan Gred Baharu Peringkat PT3/PMR

Gred Sedia Ada	Gred Baharu
2 Lapisan	4 Lapisan
-	18
-	16
14	14
11	11

- (b) skim perkhidmatan berkecayaan PT3/PMR yang mempunyai tiga (3) lapisan gred iaitu Gred 11, 14 dan 16 ditambah satu (1) lapisan gred baharu iaitu Gred 18 seperti Rajah 2 berikut:

Rajah 2: Tambah Satu (1) Lapisan Gred Baharu Peringkat PT3/PMR

Gred Sedia Ada		Gred Baharu
3 Lapisan		4 Lapisan
-		18
16	→	16
14		14
11		11

- (c) pindaan gred jawatan/kod gaji skim perkhidmatan berkeelayakan PT3/PMR seperti di **Lampiran A1**.

9.2. Penambahan Lapisan Gred Kenaikan Pangkat Bagi Skim Perkhidmatan Berkeelayakan SPM

- (a) Skim perkhidmatan berkeelayakan SPM yang mempunyai dua (2) lapisan iaitu Gred 17 dan Gred 22 ditambah lapisan Gred 26 dan Gred 28 seperti Rajah 3 berikut:

Rajah 3: Tambah Dua (2) Lapisan Gred Baharu Peringkat SPM

Gred Sedia Ada		Gred Baharu
2 lapisan		4 lapisan
-		28
-		26
22	→	22
-		19
17		-

- (b) skim perkhidmatan berkeelayakan SPM yang mempunyai tiga (3) lapisan gred iaitu Gred 17, 22 dan 26 ditambah Gred 28 seperti Rajah 4 berikut:

Rajah 4: Tambah Satu (1) Lapisan Gred Baharu Peringkat SPM

Gred Sedia Ada		Gred Baharu
3 lapisan		4 lapisan
-		28
26		26
22		22
-		19
17		-

- (c) untuk tujuan keselarasan dalam Klasifikasi Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan (U), skim perkhidmatan berkecualan SPM yang mempunyai tiga (3) lapisan gred iaitu Gred 17, 22, 24 dan Gred 19, 24, 26 ditambah Gred 28 seperti Rajah 5 berikut:

Rajah 5: Tambah Satu (1) Lapisan Gred Baharu Untuk Klasifikasi Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan (U)

Gred Sedia Ada			Gred Baharu
3 lapisan			4 lapisan
-	-		28
-	26		26
24	24		24
22	-		-
-	19		19
17	-		-


- (d) skim perkhidmatan berkecualan SPM yang mempunyai empat (4) dan lima (5) lapisan gred iaitu skim perkhidmatan Pegawai Bomba dan Pegawai Penjara, ditambah satu (1) lapisan iaitu Gred 28; dan

- (e) pindaan gred jawatan/kod gaji skim perkhidmatan berkeelayakan SPM seperti di **Lampiran A2**.

9.3. Penambahan Lapisan Gred Kenaikan Pangkat Bagi Skim Perkhidmatan Berkeelayakan STPM/Diploma

- (a) Skim perkhidmatan berkeelayakan STPM/diploma yang mempunyai dua (2) lapisan gred iaitu Gred 27 dan Gred 32 ditambah lapisan Gred 36 dan Gred 40 seperti Rajah 6 berikut:

Rajah 6: Tambahan Dua (2) Lapisan Gred Baharu Peringkat STPM/Diploma




- (b) skim perkhidmatan berkeelayakan STPM/diploma yang mempunyai tiga (3) lapisan gred ditambah Gred 40;
- (c) skim perkhidmatan berkeelayakan STPM/diploma yang telah mempunyai empat (4) atau lima (5) lapisan gred, bilangan lapisan gred **dikekalkan**; dan
- (d) pindaan gred jawatan/kod gaji skim perkhidmatan berkeelayakan STPM/diploma seperti di **Lampiran A3**.

9.4. **Penambahan Lapisan Gred Kenaikan Pangkat Bagi Skim Perkhidmatan Berkelayakan Ijazah**


- (a) Skim perkhidmatan berkelayakan ijazah yang mempunyai empat (4) lapisan gred iaitu Gred 41, 44, 48 dan 52 ditambah lapisan Gred 54 seperti Rajah 7 berikut:

Rajah 7: Tambah Satu (1) Lapisan Gred Baharu Peringkat Ijazah



- (b) skim perkhidmatan berkelayakan ijazah yang mempunyai dua (2) lapisan gred iaitu Gred 41 dan Gred 44 ditambah tiga (3) lapisan sehingga Gred 54 seperti Rajah 8 berikut;

Rajah 8: Tambah Tiga (3) Lapisan Gred Baharu Peringkat Ijazah



- (c) skim perkhidmatan berkelayakan ijazah sedia ada yang lain, bilangan lapisan gred sedia ada **dikekalkan**; dan

- (d) pindaan gred jawatan/kod gaji skim perkhidmatan berkeelayakan ijazah seperti di **Lampiran A4**.

9.5. **Penambahan Lapisan Gred Kenaikan Pangkat Bagi Skim Perkhidmatan Bersepadu**

- (a) Penetapan bilangan lapisan gred bagi skim perkhidmatan bersepadu adalah seperti berikut:
 - (i) bagi skim perkhidmatan bersepadu berkeelayakan PMR/SPM, bilangan lapisan gred di peringkat PMR kekal manakala di peringkat SPM ditambah satu (1) lapisan gred iaitu Gred 28;
 - (ii) bagi skim perkhidmatan bersepadu berkeelayakan SPM/STPM/diploma, bilangan lapisan gred di peringkat SPM kekal manakala di peringkat STPM/diploma ditambah satu (1) lapisan gred iaitu Gred 40;
 - (iii) bagi skim perkhidmatan bersepadu berkeelayakan SPM/STPM/diploma/ijazah dan STPM/diploma/ijazah, bilangan lapisan gred sedia ada dikekalkan; dan
 - (iv) bagi skim perkhidmatan bersepadu berkeelayakan SPM/STPM/diploma/ijazah dan STPM/diploma/ijazah di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pendidikan (D) yang mensyaratkan kenaikan pangkat ke peringkat kelayakan masuk lebih tinggi dengan kelayakan akademik/peperiksaan khas, mana-mana yang berkaitan, ditambah satu (1) lapisan gred iaitu Gred 40.
- (b) pindaan gred jawatan/kod gaji skim perkhidmatan bersepadu seperti di **Lampiran A5**.

Peluasan Pemakaian Kelayakan SKM Sebagai Syarat KMP Dalam Skim Perkhidmatan Berkelayakan SPM

10. Pada masa ini, terdapat 17 skim perkhidmatan berkelayakan SPM yang telah diperuntukkan kelayakan SKM sebagai syarat KMP. Bagi menarik calon berkemahiran berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, syarat kelayakan SKM diperluaskan kepada 51 skim perkhidmatan berkelayakan SPM. Penetapan kelayakan SKM ini mengambil kira bidang-bidang yang bersesuaian dengan skop tugas dalam skim perkhidmatan berkaitan. Senarai keseluruhan skim perkhidmatan yang diperuntukkan kelayakan SKM seperti di **Lampiran A6**.

Pindaan Kod Klasifikasi Perkhidmatan dan Kod Gaji

11. Penentuan Klasifikasi Perkhidmatan ialah berdasarkan kesamaan peranan dan bidang fungsi yang dijalankan oleh sesuatu perkhidmatan. Terdapat empat (4) skim perkhidmatan sedia ada terlibat dengan pertukaran Klasifikasi Perkhidmatan dan kod gaji seperti berikut:

Jadual 2: Pertukaran Klasifikasi Perkhidmatan dan Kod Gaji

Bil.	Skim Perkhidmatan	Klasifikasi Perkhidmatan		Kod Gaji	
		Sedia Ada	Baharu	Sedia Ada	Baharu
1.	Pembantu Pegawai Latihan Vokasional/ Penolong Pegawai Latihan Vokasional/ Pegawai Latihan Vokasional	Kejuruteraan	Pendidikan	J	DV
2.	Pegawai Penguat Kuasa	Pentadbiran dan Sokongan	Keselamatan dan Pertahanan Awam	N	KP
3.	Penolong Pegawai Penguat Kuasa				
4.	Pembantu Penguat Kuasa				

12. Di bawah pindaan ini juga, kod gaji bagi 19 skim perkhidmatan dipinda seperti berikut:

Jadual 3: Pindaan Kod Gaji Skim Perkhidmatan

Bil.	Skim Perkhidmatan	Kod Gaji	
		Sedia Ada	Baharu
1.	Pemeriksa Kereta Motor	A	AB
2.	Pegawai Laut	A	AL
3.	Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang	A	AT
4.	Pemeriksa Kapal Terbang	A	AT
5.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	F	FA
6.	Pegawai Veterinar	G	GV
7.	Penolong Pemeriksa Kilang dan Jentera	J	JA
8.	Jurubahasa	L	LA
9.	Penguasa Penjara	KX	KA
10.	Penolong Penguasa Penjara		
11.	Pegawai Penjara		
12.	Pegawai Pergigian	U	UG
13.	Pegawai Farmasi	U	UF
14.	Akauntan	W	WA
15.	Penguasa Kastam	W	WK
16.	Penolong Penguasa Kastam		
17.	Pembantu Penguasa Kastam		
18.	Pegawai Penguat Kuasa Maritim	XA	T
19.	Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim		

Skim Perkhidmatan Bersepadu Baharu

13. Kerajaan bersetuju untuk mewujudkan tambahan tiga (3) skim perkhidmatan bersepadu yang baharu iaitu **Pemeriksa Kereta Motor, Jurubahasa dan Pembantu Pegawai Latihan/Penolong Pegawai Latihan/Pegawai Latihan** seperti berikut:

Jadual 4: Skim Perkhidmatan Bersepadu Baharu

Bil.	Skim Perkhidmatan dan Gred Jawatan Sedia Ada	Skim Perkhidmatan dan Gred Jawatan Baharu
1.	Pemeriksa Kereta Motor Gred A17, A22, A26	Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22, AB26, AB29/30, AB36, AB38, AB40
2.	Jurubahasa Gred L17, L22, L26	Jurubahasa Gred LA19, LA22, LA26, LA29/30, LA32, LA38, LA40
3.	Pembantu Pegawai Latihan Gred E17, E22, E26	Pembantu Pegawai Latihan/ Penolong Pegawai Latihan/ Pegawai Latihan Gred E19, E22, E26, E29/30, E32, E38, E41/42, E44, E48, E52, E54
4.	Penolong Pegawai Latihan Gred E27, E32, E38	
5.	Pegawai Latihan Gred E41, E44, E48, E52, E54	

14. Gred jawatan pegawai dalam skim perkhidmatan Pemeriksa Kereta Motor dan Jurubahasa akan **dipindahkan ke gred yang sama/setara** dalam skim perkhidmatan baharu, kecuali bagi pegawai yang terlibat dengan pertukaran pelantikan dalam urusan pemindahan kelayakan sijil politeknik/sijil setaraf STPM ke peringkat STPM/diploma¹.

15. Gred jawatan pegawai dalam skim perkhidmatan Pembantu Pegawai Latihan, Penolong Pegawai Latihan dan Pegawai Latihan sedia ada akan **dipindahkan ke gred yang sama/setara** dalam skim perkhidmatan bersepadu Pembantu Pegawai Latihan/Penolong Pegawai Latihan/Pegawai Latihan.

¹ Perenggan 17 dirujuk.

Pindaan Perbekalan-perbekalan Lain Dalam Skim Perkhidmatan

16. Perbekalan-perbekalan lain dalam skim perkhidmatan sedia ada turut dipinda merangkumi nama skim perkhidmatan, syarat lantikan, perubahan gaji permulaan, peningkatan syarat kelayakan Bahasa Melayu daripada syarat Lulus kepada Kepujian di peringkat PT3/PMR dan SPM, perubahan syarat kenaikan pangkat, perubahan perbekalan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) serta peruntukan perbekalan kenaikan pangkat ke Kumpulan Pengurusan Tertinggi².

Pemindahan Kelayakan Masuk Sijil Politeknik/Sijil Setaraf STPM Daripada Skim Perkhidmatan Berkelayakan SPM Kepada Skim Perkhidmatan Berkelayakan STPM/Diploma

17. Lanjutan daripada pengiktirafan sijil politeknik setaraf dengan STPM, Kerajaan memutuskan supaya syarat kelayakan sijil politeknik, Sijil Penilaian/Pengurusan Harta Tanah dan Sijil Pertanian yang setaraf STPM dalam 16 skim perkhidmatan berkelayakan SPM dimansuhkan dan dijadikan syarat lantikan baharu dalam skim perkhidmatan berkelayakan STPM/diploma yang bersesuaian. Skim perkhidmatan yang terlibat seperti di **Lampiran A7**.

18. Tertakluk kepada perenggan 45 dan 46, penyandang dalam 16 skim perkhidmatan berkelayakan SPM yang memiliki kelayakan sijil politeknik, STPM, sijil setaraf STPM atau diploma berkaitan pada 1 Julai 2016 akan ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan berkelayakan STPM/diploma.

Penjumudan dan Pemansuhan Skim Perkhidmatan

19. Penjumudan sesuatu skim perkhidmatan ditentukan berdasarkan beberapa kriteria iaitu perkhidmatan yang fungsinya tidak lagi diperlukan, boleh diambil alih oleh perkhidmatan lain, diasingkan saraan atau dialih daya. Dalam urusan ini, bagi penggunaan modal insan secara optimum serta memperkemas fungsi organisasi, sebanyak **tujuh (7) skim perkhidmatan** dijumudkan seperti berikut:

² Peruntukan ini hendaklah dirujuk di Lampiran B3.

Jadual 5: Skim Perkhidmatan Dijumudkan

Bil.	Skim Perkhidmatan	Gred Jawatan
1.	Pembantu Meteorologi	C17, C22, C26
2.	Pengajar Kraf	E11, E17/18, E22
3.	Pengajar Membalak	G17, G22, G26
4.	Peniup Kaca	N17, N20, N22
5.	Penyelia Jurupakaian	N17, N20, N22
6.	Penolong Operator Kamera	N11, N14
7.	Jurulatih Kawad	S17, S22, S26

20. Berikutan penjumudan skim perkhidmatan, pegawai yang terlibat akan ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan yang berkuat kuasa seperti berikut:

Jadual 6: Urusan Pertukaran Pelantikan Pegawai Dalam Skim Perkhidmatan Dijumudkan

Bil.	Skim Perkhidmatan Dijumudkan	Skim Perkhidmatan Ditukar Lantik
1.	Pembantu Meteorologi Gred C17, C22, C26	Penolong Pegawai Meteorologi Gred C29, C32, C38, C40
2.	Pengajar Kraf Gred E11, E17/18, E22	Pembantu Pegawai Latihan/ Penolong Pegawai Latihan/ Pegawai Latihan Gred E19, E22, E26, E29/30, E32, E38, E41/42, E44, E48, E52, E54
3.	Pengajar Membalak Gred G17, G22, G26	Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan Gred G19, G22, G26, G29/30, G32, G36, G40

Bil.	Skim Perkhidmatan Dijumudkan	Skim Perkhidmatan Ditukar Lantik
4.	Penolong Operator Kamera Gred N11, N14	Pembantu Operasi Gred N11, N14, N16, N18
5.	Penyelia Jurupakaian Gred N17, N20, N22	Pereka Gred B19, B21/22, B25/26, B29/30, B31/32, B37/38, B41/42, B43/44, B47/48, B51/52, B53/54
6.	Peniup Kaca Gred N17, N20, N22	Pembantu Makmal Gred C19, C22, C26, C28
7.	Jurulatih Kawad Gred S17, S22, S26	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19, N22, N26, N28

21. Skim perkhidmatan **Pegawai Pemeriksa Paten, Operator Kamera Offset/ Pembuat Plet** dan **Pegawai Perhubungan Preman** dimansuhkan berikutan skop fungsi tugas tidak diperlukan dan tiada penyandang dalam Perkhidmatan Awam.

PELAKSANAAN RASIONALISASI SKIM PERKHIDMATAN

Pindaan Gred Jawatan Pegawai

22. Gred jawatan pegawai dalam Kumpulan Pelaksana, Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi yang tidak terlibat dalam urusan penyeragaman gred lantikan, pemindahan kelayakan sijil politeknik/sijil setaraf STPM ke skim perkhidmatan berkelayakan STPM/diploma dan penjumudan skim perkhidmatan adalah kekal di gred yang sama dalam skim perkhidmatan yang baharu.

23. Bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Penguat Kuasa, Pembantu Kesihatan Awam dan Pembantu Pembedahan Pergigian, pindaan gred jawatan pegawai adalah seperti berikut:

Jadual 7: Pindaan Gred Jawatan

Bil.	Skim Perkhidmatan	Gred Sedia Ada	Gred Baharu
1.	Penolong Pegawai Penguat Kuasa	N36	KP38
		N32	KP32
		N27	KP29
2.	Pembantu Kesihatan Awam	U24	U24
		U22	U24
		U17	U19
3.	Pembantu Pembedahan Pergigian	U24	U24
		U22	U24
		U17	U19

Urusan Perskiman

24. Berikutan pindaan skim perkhidmatan ini, indeks pemindahan keseluruhan skim perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran B1**. Format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B2** dan senarai serta teks skim perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran B3**. Bagi urusan pelantikan atau pertukaran pelantikan yang mensyaratkan kelayakan PMR, SPM dan STPM/Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), surat pekeliling perkhidmatan seperti di bawah hendaklah dirujuk:

Jadual 8: Surat Pekeliling Perkhidmatan Bagi Urusan Pelantikan atau Pertukaran Pelantikan yang Mensyaratkan Kelayakan PMR, SPM dan STPM/STAM

Bil.	Peringkat Kelayakan	Rujukan Surat Pekeliling Perkhidmatan (SPP)
1.	PMR	SPP Bilangan 1 Tahun 1998
2.	SPM	SPP Bilangan 1 Tahun 2002
3.	STPM	SPP Bilangan 11 Tahun 2005
4.	STAM	SPP Bilangan 14 Tahun 2009

Catatan: Penjelasan mengenai surat pekeliling perkhidmatan di atas adalah seperti di **Lampiran B4**. Bagi urusan pertukaran pelantikan penyandang sedia ada, syarat Bahasa Melayu adalah dikecualikan.

25. Mulai tarikh kuat kuasa skim-skim perkhidmatan ini, Pihak Berkuasa Melantik dan Ketua Jabatan/Perkhidmatan hendaklah memastikan semua pelantikan dan urusan perkhidmatan dibuat berdasarkan syarat-syarat yang diperuntukkan di dalam skim perkhidmatan yang baharu.

Urusan Perjawatan

26. Bagi urusan kajian keperluan perjawatan termasuk pewujudan gred baharu seperti Gred 16, 18, 28 dan 40, agensi hendaklah mengemukakan permohonan dengan justifikasi yang lengkap kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) [Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO)] untuk pertimbangan.

Urusan Perjawatan Bagi Pelaksanaan Pertukaran Pelantikan Dalam Pemindahan Kelayakan Masuk Sijil Politeknik/Sijil Setaraf STPM Daripada Skim Perkhidmatan Berkelayakan SPM Kepada Skim Perkhidmatan Berkelayakan STPM/Diploma dan Penjumudan Skim Perkhidmatan

27. Pegawai yang memiliki kelayakan dan bersetuju ditukar lantik hendaklah ditempatkan di jawatan sedia ada yang kosong. Sekiranya kekosongan jawatan sedia ada tidak dapat menampung bilangan pegawai yang ditukar lantik, pegawai kekal di jawatan sedia ada secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Penempatan secara KUP hendaklah ditamatkan apabila penyandang mengisi jawatan secara hakiki, dinaikkan pangkat atau meninggalkan perkhidmatan dan perjawatan tersebut kembali ke gred jawatan hakiki. Ketua Jabatan/Perkhidmatan hendaklah mengemukakan permohonan perubahan jawatan selewat-lewatnya pada **31 Disember 2016**.

28. Sekiranya urusan pertukaran pelantikan memberi kesan kepada struktur organisasi dan/atau penyeliaan kerja, Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang terlibat perlu mengkaji secara menyeluruh keperluan perjawatan dan mengemukakan cadangan kepada JPA (BPO) untuk pertimbangan.

PEMBERIAN OPSYEN

Prinsip Umum Pertukaran Pelantikan

29. Pegawai yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan dalam peringkat kelayakan yang sama akan ditukar lantik pada gred jawatan yang sama/setara dengan gred jawatan asal/gred jawatan yang dipinda. Pegawai yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan dalam peringkat kelayakan lebih tinggi pula, gred jawatan yang akan ditawarkan adalah pada gred lantikan.

30. Pertukaran pelantikan dibuat berdasarkan gred hakiki. Pegawai yang sedang memangku boleh dipertimbangkan pengecualian syarat tempoh pemangkuan oleh Pihak Berkuasa Kenaikan Pangkat bagi membolehkan pegawai dinaikkan pangkat atas jawatan yang dipangku sebelum tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan tertakluk pegawai memenuhi syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan. Urusan kenaikan pangkat hendaklah diselesaikan sebelum tawaran opsyen dikeluarkan.

31. Pihak Berkuasa Melantik melalui Ketua Jabatan hendaklah menawarkan opsyen kepada pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan yang berkaitan bagi membolehkan pegawai berkenaan membuat pilihan.

32. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan pada tarikh kuat kuasa atau sehari selepas dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal.

33. Pegawai yang terlibat dengan urusan penjumudan skim perkhidmatan yang menolak opsyen atau tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan dan pegawai akan dibersarakan di bawah seksyen 10(5)(b) Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [Akta 239]. Walau bagaimanapun, bagi maksud urusan pertukaran pelantikan ini, Kerajaan, atas sebab-sebab kepentingan Perkhidmatan Awam mempertimbangkan supaya pegawai dibenarkan untuk berada dalam skim perkhidmatan asal yang telah dijumudkan secara KUP dan tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan asal.

34. Semua pegawai yang terlibat diberi tempoh **30 hari** mulai tarikh surat tawaran diedarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran opsyen ini. Pilihan yang dibuat oleh pegawai adalah **muktamad**.

35. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai **yang bertaraf tetap dan masih dalam perkhidmatan** pada **1 Julai 2016**, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta berada dalam Sistem Saraan Malaysia.

36. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada mereka yang berada dalam keadaan berikut:

36.1. dipinjamkan atau ditukar sementara;

36.2. sedang bercuti;

36.3. sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan

36.4. sedang menjalani hukuman tatatertib.

37. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya **terbatal**.

38. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 36, Ketua Jabatan boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (**30 hari**) untuk membolehkan mereka membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

39. Bagi pegawai yang tidak hadir bertugas **tanpa cuti, tanpa kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah** semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa, Ketua Jabatan boleh menawarkan surat tawaran opsyen apabila pegawai kembali bertugas tertakluk pegawai memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan dan tidak dikenakan tindakan tatatertib buang kerja. Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikannya adalah pada tarikh pegawai itu kembali hadir bertugas. Bagi skim perkhidmatan yang dijumudkan seperti di perenggan 19, pegawai tersebut akan dikekalkan di skim perkhidmatan asal

pada gred jawatan asal/gred jawatan dipinda secara KUP sehingga tarikh pegawai ditukar lantik.

40. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai lantikan sementara atau kontrak. Perkhidmatan pegawai tersebut boleh diteruskan sehingga tamat tempoh kontrak yang berkuat kuasa. Urusan pelantikan semula pegawai berkenaan akan diuruskan oleh Ketua Jabatan, tertakluk memenuhi syarat skim perkhidmatan yang berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016.

Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Dalam Skim Perkhidmatan Asal Bagi Penyandang yang Ditukar Lantik Ke Gred 29 dan Pengajar Kraf Gred E11 yang Memiliki Kelayakan

41. Pegawai di gred lantikan yang ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan ke Gred 29, dan Pengajar Kraf Gred E11 yang memiliki kelayakan, layak untuk membuat pilihan sama ada:

41.1. terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan; atau

41.2. ditukar lantik setelah pegawai dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal.

42. Pegawai yang **memilih untuk terus ditukar lantik** ke Gred 29, dan Pengajar Kraf Gred E11 yang memiliki kelayakan dan **memilih untuk terus ditukar lantik** ke Pembantu Pegawai Latihan Gred E19, tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat secara *time-based* di skim perkhidmatan asal.

43. Pegawai yang memilih untuk kekal dalam skim perkhidmatan asal sehingga dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan akan berada pada gred jawatan asal/gred jawatan yang dipinda dalam skim perkhidmatan asal. Pegawai akan dipertimbangkan kenaikan pangkat apabila menggenapkan tempoh 13 tahun di skim perkhidmatan asal. Seterusnya, pegawai akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan berkuat kuasa sehari selepas pegawai dinaikkan pangkat secara *time-based* tersebut.

44. Sekiranya pegawai di perenggan 43 tidak berjaya dinaikkan pangkat mengikut tempoh *time-based* yang ditetapkan, pegawai boleh memohon untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan. Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan adalah pada tarikh semasa yang diluluskan oleh Ketua Jabatan.

Tawaran Opsyen Kepada Pegawai Dalam Skim Perkhidmatan Berkelayakan SPM/Sijil Politeknik Di Bawah Urusan Pemindahan Kelayakan Sijil Politeknik/Sijil Setaraf STPM Daripada Skim Perkhidmatan Berkelayakan SPM Kepada Skim Perkhidmatan Berkelayakan STPM/Diploma dan Penjumudan Skim Perkhidmatan

45. Pertukaran pelantikan bagi urusan pemindahan hanya melibatkan pegawai yang **telah memiliki kelayakan** sijil politeknik, STPM, sijil setaraf STPM atau diploma berkaitan **pada 1 Julai 2016**. Pegawai yang tidak memiliki kelayakan tersebut tidak ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan.

46. Pegawai yang terlibat akan ditukar lantik ke Gred 29 dengan syarat memiliki kelayakan dalam skim perkhidmatan yang ditetapkan seperti di **Lampiran A8**.

47. Dokumen bagi urusan pemberian opsyen pertukaran pelantikan pegawai dalam skim perkhidmatan berkelayakan sijil politeknik/sijil setaraf STPM sedia ada yang **memiliki kelayakan** adalah seperti berikut:

Dokumen Opsyen Pertukaran Pelantikan Bagi Pegawai di Gred Lantikan	
Lampiran C1A	: Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan
Lampiran C1B	: Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan
Lampiran C1C	: Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan
Dokumen Opsyen Pertukaran Pelantikan Bagi Pegawai di Gred Naik Pangkat	
Lampiran C2A	: Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan
Lampiran C2B	: Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan
Lampiran C2C	: Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan

Tawaran Opsyen Kepada Pegawai Dalam Skim Perkhidmatan yang Dijumudkan

48. Urusan pertukaran pelantikan pegawai dalam skim perkhidmatan yang dijumudkan serta syarat kelayakan untuk urusan tersebut adalah seperti **Lampiran A9**.

49. Bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Pengajar Kraf Gred E11 dan Pembantu Meteorologi Gred C17, C22, C26 yang **tidak memiliki kelayakan** yang ditetapkan, pegawai akan **dikekalkan secara KUP di skim perkhidmatan asal** pada gred jawatan asal/gred jawatan yang dipinda dan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan sehari selepas memenuhi salah satu syarat tersebut.

50. Dokumen opsyen pertukaran pelantikan bagi pegawai dalam skim perkhidmatan **Jurulatih Kawad, Pengajar Membalak, Peniup Kaca, Penyelia Jurupakaian, Pengajar Kraf E17/E18, E22 dan Penolong Operator Kamera** adalah seperti berikut:

Dokumen Opsyen Pertukaran Pelantikan Di Gred Lantikan dan Gred Kenaikan Pangkat
Lampiran C3A : Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan Lampiran C3B : Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan Lampiran C3C : Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan

51. Dokumen opsyen pertukaran pelantikan bagi pegawai dalam skim perkhidmatan **Pengajar Kraf Gred E11** adalah seperti berikut:

Dokumen Opsyen Pertukaran Pelantikan Pengajar Kraf Gred E11 yang Tidak Memiliki Kelayakan
Lampiran C4A : Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan Lampiran C4B : Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan Lampiran C4C : Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan
Dokumen Opsyen Pertukaran Pelantikan Pengajar Kraf Gred E11 yang Memiliki Kelayakan
Lampiran C5A : Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan Lampiran C5B : Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan Lampiran C5C : Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan

52. Dokumen opsyen pertukaran pelantikan bagi pegawai dalam skim perkhidmatan **Pembantu Meteorologi Gred C17, C22, C26** adalah seperti berikut:

Dokumen Opsyen Pertukaran Pelantikan Pembantu Meteorologi Gred C17 yang Memiliki Kelayakan
Lampiran C6A : Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan Lampiran C6B : Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan Lampiran C6C : Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan
Dokumen Opsyen Pertukaran Pelantikan Pembantu Meteorologi Gred C17 yang Tidak Memiliki Kelayakan
Lampiran C7A : Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan Lampiran C7B : Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan Lampiran C7C : Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan
Dokumen Opsyen Pertukaran Pelantikan Pembantu Meteorologi Gred C22 dan C26 yang Memiliki Kelayakan
Lampiran C8A : Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan Lampiran C8B : Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan Lampiran C8C : Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan
Dokumen Opsyen Pertukaran Pelantikan Pembantu Meteorologi Gred C22 dan C26 yang Tidak Memiliki Kelayakan
Lampiran C9A : Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan Lampiran C9B : Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan Lampiran C9C : Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan

KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

53. Bagi melaksanakan opsyen ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

53.1. Pihak Berkuasa Melantik

Pihak Berkuasa Melantik boleh mewakilkan kuasa kepada Ketua Jabatan untuk menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat.

53.2. **Ketua Jabatan**

Tanggungjawab Ketua Jabatan adalah seperti berikut:

- (a) menawarkan opsyen kepada pegawai terlibat setelah menerima perwakilan kuasa daripada Pihak Berkuasa Melantik;
- (b) memberi penjelasan terperinci mengenai opsyen kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;
- (c) mengemas kini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan
- (d) melaporkan kepada JPA (BPO) mengenai status pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan ini sebelum 31 Disember 2016 mengikut format seperti di **Lampiran C10, Lampiran C11 dan Lampiran C12.**

53.3. **Pegawai yang Ditawarkan Opsyen**

Pegawai yang ditawarkan opsyen hendaklah-

- (a) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Pemilihan opsyen adalah muktamad; dan
- (b) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen dan mengembalikan kepada Ketua Jabatan dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan untuk disahkan. Satu (1) salinan borang opsyen akan disimpan oleh Ketua Jabatan manakala satu (1) salinan lagi untuk simpanan pegawai berkenaan.

Gaji Permulaan Bagi Urusan Tukar Lantik

54. Penetapan gaji permulaan pegawai yang ditukar lantik adalah seperti di perenggan 71.

Tarikh Pergerakan Gaji Bagi Urusan Tukar Lantik

55. Tertakluk kepada perenggan 80, Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) tahun 2017 dan seterusnya bagi pegawai yang terlibat dengan urusan pertukaran pelantikan adalah dikekalkan.

PEMBERIAN FAEDAH PEMINDAHAN GAJI DAN PENAMBAHBAIKAN JGMM

56. Selaras dengan rasionalisasi skim perkhidmatan, Kerajaan bersetuju menetapkan gaji permulaan terendah pada kadar RM1,200 sebulan dalam Perkhidmatan Awam. Kerajaan turut memutuskan pemberian faedah pemindahan gaji bersamaan amaun satu (1) KGT dan JGMM ditambah baik.

57. Penambahbaikan JGMM melibatkan perkara-perkara berikut:

57.1. penetapan gaji permulaan terendah pada RM1,200 sebulan bagi Gred 11, Gred 13, Gred 17 dan Gred 19 atau gred setara mengikut Klasifikasi Perkhidmatan dan gred jawatan;

57.2. JGMM bagi lapisan gred jawatan baharu diwujudkan;

57.3. gaji minimum bagi Gred 54 dan ke bawah atau gred setara ditambah baik; dan

57.4. gaji maksimum bagi Gred 54 dan ke bawah atau gred setara ditambah baik.

58. JGMM semua gred jawatan sedia ada ditambah baik mengikut prinsip kadar upah untuk kerja, syarat kelayakan masuk dan latihan serta prinsip relativiti dan pariti.

59. JGMM baharu bagi skim perkhidmatan yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 adalah seperti di **Lampiran D1**.

60. JGMM baharu bagi skim perkhidmatan jumud di bawah SSM adalah seperti di **Lampiran D2**.

61. Bagi JGMM yang tidak terdapat dalam **Lampiran D1** dan **Lampiran D2**, Ketua Jabatan hendaklah memohon JGMM daripada JPA (Bahagian Saraan) dengan mengemukakan salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai yang telah dikemas kini.

KELAYAKAN BAGI PENAMBAHBAIKAN JGMM

Pegawai yang Layak

62. Pelaksanaan penambahbaikan JGMM ini melibatkan pegawai bertaraf tetap, sementara dan kontrak (*Contract of Service*) yang telah dilantik dan sedang berkhidmat di bawah SSM pada 1 Julai 2016 termasuk yang berada dalam keadaan seperti berikut:

62.1. pegawai yang dipinjam atau ditukar sementara ke agensi Kerajaan;

62.2. pegawai yang dipinjamkan ke pertubuhan antarabangsa atau sektor swasta;

62.3. pegawai yang cuti bergaji penuh, cuti separuh gaji atau cuti tanpa gaji; dan

62.4. pegawai yang meninggal dunia pada 1 Julai 2016. Ketua Jabatan terakhir di mana pegawai ditempatkan adalah bertanggungjawab bagi pemindahan gaji pegawai tersebut.

Pegawai yang Tidak Layak

63. Pemberian penambahbaikan JGMM ini tidak melibatkan:
- 63.1. pegawai yang masih berkhidmat di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) dan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet (JKK) 1976;
 - 63.2. pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib dengan hukuman buang kerja yang berkuat kuasa pada atau sebelum 1 Julai 2016;
 - 63.3. pegawai yang bersara pada atau sebelum 1 Julai 2016; dan
 - 63.4. pegawai yang meninggal dunia pada atau sebelum 30 Jun 2016.

KELAYAKAN PEMBERIAN FAEDAH PEMINDAHAN GAJI

Pegawai yang Layak

64. Pemberian faedah pemindahan gaji bersamaan amaun satu (1) KGT ini layak diterima oleh pegawai bertaraf tetap, sementara dan kontrak (*Contract of Service*) yang telah dilantik dan sedang berkhidmat pada 1 Julai 2016 di bawah SSM, SSB dan Laporan Gaji JKK 1976 mengikut kadar KGT di gred jawatan asal, termasuk yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 62.1 hingga 62.4.

Pegawai yang Tidak Layak

65. Pemberian faedah pemindahan gaji bersamaan amaun satu (1) KGT ini tidak melibatkan pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 63.2 hingga 63.4.

PELAKSANAAN PEMBERIAN FAEDAH PEMINDAHAN GAJI DAN PENAMBAHBAIKAN JGMM

Prinsip dan Proses Pemindahan Gaji

66. Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) 2016 perlu dilaksanakan mengikut TPG masing-masing terlebih dahulu tertakluk kepada keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM). Bagi pegawai yang TPG adalah pada 1 Oktober, pemberian PGT hendaklah diawalkan pada 1 Julai 2016. Pelaksanaan TPG Oktober yang diawalkan ini hanya bagi tahun 2016 sahaja.

67. Setelah selesai urusan pemberian PGT 2016 seperti di perenggan 66, proses pemindahan gaji dalam penambahbaikan JGMM ini adalah seperti di **Jadual 9** berikut:

Jadual 9: Ringkasan Proses Pemindahan Gaji
(Carta Alir adalah seperti di Lampiran D3)

Gaji Pegawai (Selepas Diberi PGT)	Situasi	Kaedah
(a) Kurang daripada gaji permulaan di JGMM baharu	(i) Amaun perbezaan di antara gaji selepas diberi PGT dengan gaji permulaan bersamaan atau melebihi satu (1) KGT*	Gaji pegawai dipindahkan ke amaun gaji permulaan di JGMM baharu seperti di Rajah 1 Lampiran D3 .
	(ii) Amaun perbezaan di antara gaji selepas diberi PGT dengan gaji permulaan kurang satu (1) KGT*	Gaji pegawai diberi faedah pemindahan gaji bersamaan satu (1) KGT* dan amaun gaji tersebut dipindahkan ke JGMM baharu seperti di Rajah 2 Lampiran D3 .
(b) Sama atau lebih daripada gaji permulaan di JGMM baharu	-	Gaji pegawai diberi faedah pemindahan gaji bersamaan satu (1) KGT* dan amaun gaji tersebut dipindahkan ke JGMM baharu seperti di Rajah 3 Lampiran D3 .

* Kadar KGT mengikut gred asal.

68. Penjelasan terperinci proses pemindahan gaji di **Jadual 9** di atas adalah seperti berikut:

68.1. Terdapat dua (2) keadaan utama dalam urusan pemindahan gaji iaitu:

- (a) amaun gaji selepas diberi PGT **kurang daripada gaji permulaan** di JGMM baharu; dan
- (b) amaun gaji selepas diberi PGT **sama atau lebih daripada gaji permulaan** di JGMM baharu.

68.2. Kaedah pemindahan gaji ke JGMM baharu bagi keadaan di perenggan 68.1(a) iaitu bagi amaun gaji selepas diberi PGT **kurang daripada gaji permulaan** di JGMM baharu adalah seperti berikut:

- (a) bagi amaun perbezaan di antara gaji selepas diberi PGT dengan gaji permulaan yang **bersamaan atau melebihi** satu (1) KGT (mengikut kadar KGT gred asal), gaji pegawai hendaklah dipindahkan ke JGMM baharu pada amaun gaji permulaan di JGMM baharu seperti **Rajah 1 di Lampiran D3**; atau
- (b) bagi amaun perbezaan di antara gaji selepas diberi PGT dengan gaji permulaan yang **kurang** daripada satu (1) KGT (mengikut kadar KGT gred asal), gaji pegawai diberi faedah pemindahan gaji bersamaan satu (1) KGT (mengikut kadar KGT gred asal) dan amaun tersebut dipindahkan ke JGMM baharu seperti **Rajah 2 di Lampiran D3**.

68.3. Kaedah pemindahan gaji ke JGMM baharu bagi keadaan di perenggan 68.1(b) iaitu bagi amaun gaji selepas diberi PGT **sama atau lebih daripada gaji permulaan** di JGMM baharu adalah seperti berikut:

- (a) gaji pegawai diberi faedah pemindahan gaji bersamaan satu (1) KGT (mengikut kadar KGT gred asal) dan amaun gaji tersebut dipindahkan ke JGMM baharu seperti **Rajah 3** di **Lampiran D3**.

69. Contoh kaedah pemindahan gaji di perenggan 68 adalah seperti di **Lampiran D4**.

Penetapan Gaji Bagi Skim Perkhidmatan yang Memperuntukkan KMP

70. Bagi skim perkhidmatan yang memperuntukkan KMP, penetapan gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke gaji permulaan baharu supaya gaji yang diterima hendaklah tidak kurang daripada gaji permulaan di gred jawatan baharu. Contoh pemindahan gaji adalah seperti di **Rajah 4** di **Lampiran D3**.

Kaedah Pemindahan Gaji Melibatkan Tukar Lantik

71. Bagi pegawai yang ditukar lantik pada 1 Julai 2016, penetapan gaji di gred tukar lantik hendaklah dilaksanakan setelah gaji pegawai dipindahkan ke JGMM baharu seperti di perenggan 66 hingga 68. Setelah gaji pegawai dipindahkan terlebih dahulu seperti di perenggan tersebut, pegawai akan ditawarkan ke gaji permulaan di jawatan tukar lantik seperti berikut:

- 71.1. pada amaun gaji minimum di gred jawatan tukar lantik sekiranya gaji baharu di JGMM baharu gred jawatan asal/gred jawatan yang dipinda adalah sama atau rendah daripada gaji minimum di gred jawatan tukar lantik; atau
- 71.2. pada amaun gaji yang sama dengan amaun gaji baharu di JGMM baharu gred jawatan asal/gred jawatan yang dipinda jika gaji baharu tersebut lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan tukar lantik; atau

- 71.3. pada amaun gaji permulaan kelayakan masuk yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan bagi pegawai yang memiliki kelayakan berkenaan jika amaun gaji baharu di JGMM baharu gred jawatan asal/gred jawatan yang dipinda adalah rendah daripada gaji permulaan di gred jawatan tukar lantik tersebut.

Kaedah Pemindahan Gaji Melibatkan Kenaikan Pangkat

72. Bagi pegawai yang tarikh kenaikan pangkat pada 1 Julai 2016, urusan penetapan gaji pegawai di gred kenaikan pangkat hendaklah diselesaikan terlebih dahulu. Kemudian, gaji pegawai dipindahkan ke JGMM baharu dengan diberi faedah pemindahan gaji bersamaan amaun satu (1) KGT di gred kenaikan pangkat dan dipindahkan ke JGMM baharu.

73. Contoh kaedah pemindahan gaji bagi perenggan 70 hingga 72 adalah seperti di **Lampiran D4**.

Kaedah Pemindahan Gaji Melibatkan Pegawai Sedang Berkhidmat Dilantik ke Skim Perkhidmatan/Jawatan Lain

74. Bagi pegawai yang sedang berkhidmat yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan dilantik ke skim perkhidmatan/jawatan lain pada 1 Julai 2016, urusan penetapan gaji pegawai di skim perkhidmatan/jawatan lain itu hendaklah diselesaikan terlebih dahulu. Kemudian, gaji pegawai dipindahkan ke JGMM baharu dengan diberi faedah pemindahan gaji bersamaan amaun satu (1) KGT di skim perkhidmatan/jawatan lain dan dipindahkan ke JGMM baharu.

Kaedah Pemindahan Gaji Melibatkan Peminjaman Atau Pertukaran Sementara

75. Tertakluk kepada perenggan 66 hingga 74 di atas, urusan pemindahan gaji ke JGMM baharu bagi pegawai yang dipinjam atau ditukar sementara adalah seperti berikut:

- 75.1. pegawai yang dipinjam atau ditukar sementara ke agensi Kerajaan, gaji hakiki pegawai hendaklah dipindahkan ke JGMM baharu secara isyarat oleh Ketua Jabatan asal. Manakala, gaji jawatan peminjaman atau jawatan pertukaran sementara hendaklah dipindahkan ke JGMM baharu oleh Ketua Jabatan di agensi peminjam; dan
- 75.2. pegawai yang dipinjamkan ke pertubuhan antarabangsa atau sektor swasta, gaji hakiki pegawai hendaklah dipindahkan ke JGMM baharu secara isyarat oleh Ketua Jabatan asal.

Kaedah Pemindahan Gaji Melibatkan Pegawai Bercuti

76. Tertakluk kepada perenggan 66 hingga 75 di atas, urusan pemindahan gaji ke JGMM baharu bagi pegawai yang cuti bergaji penuh, cuti separuh gaji atau cuti tanpa gaji adalah seperti berikut:

- 76.1. pegawai yang cuti bergaji penuh, gaji pegawai hendaklah dipindahkan dan dibayar mengikut JGMM baharu;
- 76.2. pegawai yang cuti separuh gaji, gaji pegawai hendaklah dipindahkan ke JGMM baharu tertakluk kepada peraturan-peraturan pemberian PGT berkaitan cuti. Pegawai dibayar separuh daripada gaji baharu; dan
- 76.3. pegawai yang cuti tanpa gaji, gaji pegawai hendaklah dipindahkan ke JGMM baharu tertakluk kepada peraturan-peraturan pemberian PGT berkaitan cuti. Pegawai akan dibayar gaji baharu apabila kembali bertugas.

Pemindahan Gaji Bagi Pegawai yang Belum Memenuhi Syarat atau Memilih Ditukar Lantik Selepas Dinaikkan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan atau Tidak Menerima Opsyen Pertukaran Pelantikan Bagi Pegawai Di Bawah SSM

77. Pemindahan gaji di JGMM baharu seperti di perenggan 66 hingga 68 hendaklah turut diberi di gred jawatan yang dipinda di skim perkhidmatan asal dalam keadaan-keadaan berikut:

77.1. pegawai yang menerima opsyen pertukaran pelantikan tetapi belum memenuhi syarat pertukaran pelantikan mengikut pekeliling perkhidmatan yang berkaitan;

77.2. pegawai memilih ditukar lantik selepas dinaikkan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan di skim perkhidmatan asal; dan

77.3. pegawai yang tidak menerima opsyen pertukaran pelantikan.

Gaji Khas Untuk Penyandang

78. Pegawai yang gaji hakikinya pada 30 Jun 2016 berada di gaji KUP dan JGMM baharu masih tidak dapat menampung setelah pemindahan gaji dilaksanakan, Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan permohonan penetapan gaji KUP kepada JPA (Bahagian Saraan) berserta dengan salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai yang telah dikemas kini.

79. Bagi pegawai yang sedang berkhidmat pada 1 Julai 2016 di bawah SSB dan Laporan Gaji JKK 1976 di mana gajinya tidak dapat ditampung setelah diberi faedah pemindahan satu (1) KGT, Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan permohonan penetapan gaji KUP kepada JPA (Bahagian Saraan) dengan mengemukakan salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai yang telah dikemas kini.

Tarikh Pergerakan Gaji

80. Pemindahan gaji ini tidak mengubah Tarikh Pergerakan Gaji pegawai tahun 2017 dan seterusnya **kecuali** Tarikh Pergerakan Gaji bagi pegawai yang berada di perenggan 68.2 yang terlibat dalam penetapan gaji permulaan terendah RM1,200 sebulan iaitu pegawai yang amaun gaji selepas diberi PGT kurang daripada gaji permulaan baharu diubah seperti di **Jadual 10** berikut:

Jadual 10: TPG Tahun 2017 dan Seterusnya Bagi Pegawai yang Amaun Gaji Selepas Diberi PGT Kurang daripada Gaji Permulaan Baharu

Amaun Pemindahan ³	TPG Baharu
Bersamaan 1 KGT*	Januari
Melebihi 1 KGT hingga 2 KGT	April
Melebihi 2 KGT hingga 3 KGT	Julai
Melebihi 3 KGT	Oktober

* Hanya melibatkan pegawai yang gajinya terlibat dalam penetapan ke gaji permulaan di gred lantikan 11, 13 dan 19.

81. TPG bagi pegawai yang dilantik pada Gred 11, 13 dan 19 mulai 1 Julai 2016 hingga 30 September 2016 adalah ditetapkan pada **1 Oktober**.

Elaun dan Kemudahan

82. Rasionalisasi skim perkhidmatan ini tidak melibatkan sebarang perubahan elaun dan kemudahan mengikut pekeliling perkhidmatan/surat pekeliling perkhidmatan/surat edaran/surat pelaksanaan yang berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, penetapan kadar elaun dan kemudahan tersebut adalah tertakluk kepada gred jawatan baharu pegawai seperti berikut:

³ Amaun Pemindahan = (Gaji pegawai di JGMM baharu - Gaji selepas PGT)
Kadar KGT mengikut gred asal

82.1. Gred Kenaikan Pangkat Baharu

- (a) bagi Gred 18 peringkat kelayakan masuk PMR, kadar elaun dan kemudahan gred tertinggi sedia ada di peringkat kelayakan masuk PMR adalah terpakai;
- (b) bagi Gred 28 peringkat kelayakan masuk SPM, kadar elaun dan kemudahan gred tertinggi⁴ sedia ada di peringkat kelayakan masuk SPM adalah terpakai;
- (c) bagi Gred 28 peringkat kelayakan masuk SPM perkhidmatan Bomba dan Penjara, kadar elaun dan kemudahan gred tertinggi sedia ada di peringkat kelayakan masuk SPM dan skim perkhidmatan yang sama adalah terpakai;
- (d) bagi Gred 40 peringkat kelayakan masuk STPM/diploma, kadar elaun dan kemudahan gred tertinggi⁴ sedia ada di peringkat kelayakan masuk STPM/diploma adalah terpakai; dan
- (e) bagi Gred 40 peringkat kelayakan masuk STPM/diploma perkhidmatan Bomba dan Penjara, kadar elaun dan kemudahan gred tertinggi sedia ada di peringkat kelayakan masuk STPM/diploma dan skim perkhidmatan yang sama adalah terpakai.

82.2. Gred yang Diseragamkan

- (a) bagi Gred 19 peringkat kelayakan masuk SPM, kadar elaun dan kemudahan adalah mengikut kadar permulaan sedia ada di peringkat kelayakan masuk SPM adalah terpakai;

⁴ Tidak termasuk kadar Perkhidmatan Bomba dan Penjara.

- (b) bagi Gred 19 peringkat kelayakan masuk SPM perkhidmatan Bomba dan Penjara, kadar permulaan sedia ada di peringkat kelayakan masuk SPM adalah terpakai;
- (c) bagi Gred 29 peringkat kelayakan masuk STPM/diploma, kadar elaun dan kemudahan adalah mengikut kadar permulaan sedia ada di peringkat kelayakan masuk STPM/diploma adalah terpakai; dan
- (d) bagi Gred 29 peringkat kelayakan masuk STPM/diploma perkhidmatan Penjara, kadar permulaan sedia ada di peringkat kelayakan masuk STPM adalah terpakai.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

83. Ketua Jabatan hendaklah merekodkan semua perubahan berkaitan perkhidmatan pegawai berikutan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan ini dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan dan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS).

84. Ketua Jabatan hendaklah memastikan semua tindakan dilaksanakan mengikut tempoh masa dan prosedur yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini. Kegagalan Ketua Jabatan untuk melaksanakan urusan ini boleh dikenakan tindakan tatatertib berdasarkan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605].

TARIKH KUAT KUASA

85. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016.

PEMBATALAN

86. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan sedia ada, yang dikeluarkan melalui pekeliling perkhidmatan dan surat pekeliling perkhidmatan berkaitan seperti di Lampiran B3, adalah dibatalkan kecuali bagi menampung pegawai yang belum layak dan pegawai yang menolak opsyen dalam skim perkhidmatan yang diumumkan.

